

## POLISI E-PENYERTAAN

### SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Dasar e-Penyertaan bertujuan untuk memulakan budaya dan amalan e-Penyertaan demi meningkatkan ketelusan dan penyertaan awam dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SPRM sentiasa mengiktiraf penglibatan awam bagi mendalami perspektif yang lebih luas, menjadi sumber rujukan maklumat dan penyelesaian yang berpotensi untuk meningkatkan keputusan serta perkhidmatan.

Selain itu, e-Penyertaan juga menyediakan asas bagi hubungan produktif, dialog dan perbincangan yang lebih baik serta tadbir urus yang teratur.

Objektif e-Penyertaan adalah untuk melibatkan rakyat dalam dasar pembangunan dan proses membuat keputusan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Beberapa saluran komunikasi yang digunakan adalah seperti aduan pentadbir portal, Content Management System (CMS), *MACC Mobile*, talian bebas tol, perkhidmatan mesej ringkas (*SMS*), faks, emel, surat menyurat dan media sosial SPRM iaitu *Facebook*, *Twitter*, *Youtube* dan *blog*.

Oleh yang demikian, SPRM mengalu-alukan penyertaan dengan mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:-

1. Sebarang kenyataan yang menyentuh **sensitiviti sesama kaum, agama dan politik** adalah dilarang sama sekali.
2. **Dilarang menjatuhkan maruah, menyerang secara peribadi dan mengeluarkan kenyataan berunsur negatif** yang boleh menyinggung perasaan individu yang lain.
3. Kawal kenyataan anda, elakkan daripada mengeluarkan bahasa-bahasa kesat dan kenegerian.
4. Tidak digalakkan berbual ataupun menghantar ayat yang bukan daripada topik utama.
5. Topik dan saluran ke laman sesawang **LUCAH** adalah **DILARANG** sama sekali.

6. Pastikan kenyataan dan topik anda tidak menyalahi peraturan '**COPYRIGHT LAW**', '**TRADEMARK**', '**PATENT**' dan lain-lain.
7. **DILARANG** menggunakan ruangan e-Penyertaan ini sebagai tempat untuk menjalankan sebarang peraduan, skim piramid, skim cepat kaya, skim duit internet, surat berantai, e-mel sampah (*junk e-mail*) samada secara komersil ataupun sebaliknya.
8. Pihak pentadbir ruangan e-Penyertaan **tidak mengesahkan, menyokong, mewakili atau menjamin sebarang kebenaran, ketepatan atau kepercayaan** mana-mana kenyataan mahupun topik dalam ruangan ini. Individu terbabit seharusnya faham bahawa sebarang risiko berhubung kepercayaan sesuatu bahan di dalam ruangan ini adalah ditanggung oleh individu itu sendiri.
9. Pihak pentadbir ruangan e-Penyertaan berhak meminda dan memadam sebarang kenyataan dan topik pada bila-bila masa tanpa memaklumkan kepada penulis kenyataan atau topik berkenaan.
10. Pihak pentadbir ruangan e-Penyertaan berhak meminda polisi dan garis panduannya pada bila-bila masa tanpa sebarang pengumuman ataupun notis.
11. Sebagai peserta atau sebarang individu yang mengeluarkan kenyataan dalam ruangan ini, anda termaktub dengan terma dan syarat garis panduan e-Penyertaan.

Disediakan oleh :

**Bahagian Komunikasi Strategik  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).**